

Lagu dan Muzik dalam Islam

▣ **Mohd Farid Mohd Shahrān**

Fellow Kanan dan Pengarah Pusat Kajian Syariah, Undang-undang dan Politik, Institut Kefahaman Islam Malaysia

Isu lagu dan muzik dapat dibahas dari pelbagai sudut.

Apabila dikaitkan dengan Islam, perbincangan tentangnya banyak berkisar tentang hukum dan nas. Tanpa mengetepikan kepentingan perbincangan berkaitan dengan hukum, isu nyanyian dan muzik juga perlu didekati dari sudut falsafah, terutama dengan melihat apakah sebenarnya fitrah muzik dan lagu serta kedudukannya dalam kehidupan manusia? Penilaian yang lebih bijaksana juga dapat dibuat sekiranya isu ini ditelusuri dari sudut peranan muzik dan lagu dalam sejarah dan tradisi Islam.

Pandangan Imam al-Ghazali

Menurut Imam Abu Hamid al-Ghazali dalam karya agunginya, *Ihya' 'Ulum al-Din*, lagu merupakan satu bentuk bunyian yang merdu, menyenangkan, harmoni, difahami maksudnya dan mampu menggerakkan jiwa manusia. Sementara muzik yang terhasil daripada alat-alat yang dicipta merupakan

bunyian indah dan tersusun yang merupakan tiruan daripada kerongkong atau mulut hidupan seperti manusia atau haiwan.

Berdasarkan asas ini, menurut al-Ghazali, pasti tiada halangan untuk manusia mendengar suara yang merdu, menyenangkan dan harmoni kerana setiap deria manusia dicipta secara fitrah untuk menerima sesuatu yang menyenangkan. Contohnya,

mata akan senang dengan pemandangan yang indah, hidung akan senang dengan bau yang harum, lidah berasa sedap dengan sesuatu yang lazat, dan akal akan senang dengan kelazatan ilmu dan kebijaksanaan.

Oleh itu, sekiranya kita mengharamkan manusia daripada mendengar nyanyian, hal tersebut samalah seperti





yang jelas kepada manusia dibenarkan, malah bermanfaat untuk didengar, maka tiada sebab untuk bunyian indah daripada kerongkong manusia yang mempunyai makna yang jelas kepada akal manusia dihalang daripada didengar.

Nyanyian dan muzik dalam tradisi Islam

Ketika kemunculan muzik di Semenanjung Arab, Islam sememangnya hadir dalam lingkungan masyarakat yang telah sedia kaya dengan khazanah lagu dan muzik. Sejarah jazirah Arab merakamkan bahawa kawasan tersebut sememangnya telah masyhur dengan penyanyi seperti al-Khansa' dan al-A'sha atau Maimun ibn al-Qays (570 – 624M) yang terkenal dengan qasidah jahiliah sehingga disebut oleh Abu 'Ubadah dalam *mu'allaqat*nya yang terkenal. Pasar 'Ukaz di Makkah terkenal dengan majlis melantunkan

Kehalusan perbincangan tentang muzik, terutama tentang hubungannya dengan pelbagai alam kehidupan manusiawi memperkaya lagi peranan muzik dalam kehidupan manusia, dan bukan hanya ditumpukan pada hiburan yang bersifat keseronokan semata-mata.

kita menghalang seseorang daripada melihat pemandangan yang cantik, menghidu bau yang harum, menghalang lidah daripada merasa makanan yang enak dan menghalang akal daripada menikmati ilmu. Sekiranya bunyian yang menyenangkan daripada haiwan seperti burung atau daripada deruan angin dan ombak laut yang tidak membawa makna

syair dalam *mu'allaqat* jahiliah yang digantungkan di Kaabah. Terdapat juga penyanyi wanita (*qainat*) yang amat terkenal pada ketika itu menyanyikan syair-syair tersebut.

Ibn 'Abd Rabbih (860 – 940M), penulis kitab *al-'Iqd al-Farid* mengakui bahawa Hijaz sebelum Islam sememangnya merupakan pusat aktiviti muzik, dan pusat kegiatannya adalah di pasar-pasar di bandar seperti Madinah, Taif, Khaibar dan Wadi al-Qura. Penyanyi wanita juga amat banyak digunakan dalam peperangan, di istana raja untuk menghiburkan tetamu dan juga di pasar. Menurut Salih al-Mahdi dalam bukunya, *Music in Islamic Culture*, antara maksud ayat al-Quran berkaitan dengan perjalanan golongan Arab dalam *Surah Quraisy* termasuklah lagu-lagu yang dinyanyikan oleh kafilah Arab pada musim sejuk dan panas bagi meringankan beban unta yang membawa barangan mereka.

Tidak dinafikan bahawa sebahagian daripada tradisi nyanyian dan muzik tersebut banyak berkaitan dengan majlis yang terdapat sesuatu yang melalaikan seperti arak. Terdapat hadis yang agak jelas melarang penggunaan alat muzik yang berkaitan dengan majlis sebegini. Namun begitu, tegahan sebahagian daripada alat muzik tersebut tidak menghalang pengaruh muzik dan lagu dalam tradisi Islam, malah alat muzik masih dibudayakan dalam aktiviti tertentu, terutama dalam majlis yang menzahirkan kegembiraan dalam kalangan masyarakat Arab.

Nyanyian juga merupakan alat penting untuk membakar



Dalam Islam, muzik dan lagu harus dipandu supaya membawa manusia ke arah matlamat yang baik.

semangat dalam peperangan dan sebahagiannya diterajui oleh golongan wanita. Hind binti 'Utbah, wanita berjiwa besi, yang menjadi pembakar semangat pasukan Quraisy dengan nyanyiannya dalam Perang Uhud (setelah tewas dalam Perang Badar) ketika menghadapi orang Islam, sekali lagi telah memainkan peranan yang sama (malah mengalunkan nyanyian yang sama), untuk menaikkan semangat orang Islam dalam Perang Yarmouk yang diketuai oleh Khalid al-Walid.

Pada zaman Rasulullah SAW juga sudah ada sahabat yang mempunyai suara yang indah seperti Bilal bin Rabah al-Habashi, iaitu muazin pertama dalam Islam yang merupakan anak kepada hamba wanita Sayidina Abu Bakar, dan merupakan antara orang yang awal memeluk Islam. Ibn Hisham melaporkan bahawa Rasulullah SAW pernah meminta Bilal menyanyikan ghazal kepada Baginda. Selain itu, Shirin, seorang hamba dari Mesir yang

dihadiahkan oleh gabenor Mesir pada ketika itu yang bernama al-Muqauqis kepada Rasulullah SAW, mempunyai suara yang merdu. Baginda kemudiannya menyerahkan hamba tersebut kepada Hassan bin Thabit yang juga merupakan seorang penyair yang hebat.

Tradisi seni suara dan lantunan lagu yang indah ternyata diteruskan dalam tradisi Islam walaupun mengalami proses islamisasi sebagaimana yang terlihat dalam tradisi membaca al-Quran dengan suara yang merdu, melaungkan azan, nyanyian kafilah (*huda'*), nyanyian ketika mengerjakan haji (tahlil dan talbiah) dan juga nyanyian dan muzik ketika perayaan, majlis perkahwinan, kelahiran dan berkhatan.

Teori dan falsafah muzik Islam

Antara manifestasi perkembangan bidang muzik dalam tradisi Islam termasuklah perbincangan tentang muzik dari sudut teori dan falsafah oleh tokoh pemikir Islam. Penekanannya adalah tentang

fitrah dan asal muzik, unsur utama muzik, hubungan antara teori dengan praktis muzik, kedudukan muzik dalam skema kewujudan dan kosmologi, hubungan antara muzik dengan nombor, serta hubungan antara muzik dengan elemen jasmani manusia dan emosi mereka.

Para pemikir Islam bermula daripada al-Kindi telah menghuraikan bahawa matlamat dalam pengkajian tentang muzik adalah untuk menjelaskan tentang teori dan konsep muzik yang betul. Di samping itu, kefahaman yang betul tentang muzik juga boleh digunakan secara praktikal untuk merawat dan mengekalkan kesihatan seseorang manusia. Dalam karyanya, *al-Musawwitat*, al-Kindi menghuraikan peranan praktikal muzik dalam perubatan, malah sebagaimana yang dilaporkan oleh al-Qifti, al-Kindi pernah merawat anak-anak jirannya yang lumpuh dengan menggunakan alunan muzik. Al-Kindi yang juga merupakan seorang pemain '*ud* yang hebat, menjelaskan dalam karyanya yang lain, *Risalah al-Kubra fi al-Ta'lif* tentang cara memainkan dan mempersembahkan muzik dengan betul.

Sementara itu, seorang lagi tokoh pemikir Islam, iaitu al-Farabi menulis *Kitab al-Musiqa al-Kabir* yang dianggap sebagai karya terhebat tentang muzik dalam bahasa Arab. Karya yang telah diterjemahkan ke bahasa Latin dengan tajuk *De Scientiis and the De Ortu Scientiarum* dan bahasa Hebrew oleh Ibn Aqnin (1160 – 1226) ini mengetengahkan pemikiran yang saintifik tentang muzik, dan karya ini telah dianggap sebagai

sumber asas kepada pendidikan dalam bidang muzik.

Disebabkan banyak karya beliau diterjemahkan ke bahasa Latin, al-Farabi yang lebih dikenali di Eropah sebagai Alfarabius telah meninggalkan pengaruh yang amat besar terhadap kebudayaan Eropah pada zaman pertengahan. Al-Farabi juga merupakan orang yang pertama mencipta dua alat muzik, iaitu *rabab* dan *qanun*. Kehebatan beliau bukan sahaja tercermin melalui perbincangan yang teratur tentang muzik, tetapi juga kemampuan bermain alat muzik sehingga dilaporkan bahawa dalam satu majlis, al-Farabi mampu membuat orang tertawa, menangis dan tertidur apabila mendengar pelbagai bentuk muzik yang berbeza-beza.

Walaupun sebahagian daripada sumber pemikiran ahli falsafah Islam berasal daripada khazanah pemikiran Yunani, namun mereka mampu mengumpulkan, menyusun dan mengembangkan khazanah tersebut sesuai dengan keperluan semasa. Mereka juga berjaya menjelaskan tentang kelebihan muzik dari segi kesannya terhadap manusia bukan sahaja dari segi emosi, tetapi juga dari segi jasmani dan rohani. Kehalusan perbincangan tentang muzik, terutama tentang hubungannya dengan pelbagai alam kehidupan manusiawi memperkaya lagi peranan muzik dalam kehidupan manusia, dan bukan hanya ditumpukan pada hiburan yang bersifat keseronokan semata-mata.

Berdasarkan huraian ahli pemikir Islam silam, pengkajian yang mendalam tentang aspek

teori muzik kemudiannya akan memberikan kesan terhadap peranan praktikal yang akan dimainkan oleh muzik. Oleh itu, kita dapat melihat penzahiran peranan muzik dalam bentuk yang praktikal pada zaman dahulu digunakan sebagai alat untuk merawat penyakit, menyeimbangkan unsur fisiologi manusia dan juga sebagai terapi jiwa. Sejarah merakamkan bahawa hospital di Cordoba dan Turkiye telah menggunakan muzik sebagai terapi penyembuhan penyakit.

Daripada penjelasan tersebut, jelas bahawa Islam bukanlah agama yang menolak kedudukan lagu dan muzik sebagai sebahagian daripada aktiviti dalam kehidupan manusia. Disebabkan oleh sifatnya yang amat dekat dengan fitrah manusia, lagu dan muzik diterima sebagai sebahagian daripada bunyian merdu yang menyenangkan sebagaimana manusia menikmati bunyian lain daripada sumber alam tabii.

Beberapa sumber nas agama yang menegah umat Islam daripada mendengar alat muzik dan nyanyian tertentu harus dilihat secara kontekstual terutama apabila alat-alat tersebut amat rapat dikaitkan dengan majlis dan suasana yang haram dan merosakkan.

Mutiara Hikmah

Nabi Muhammad SAW bersabda yang bermaksud,
"Hiasilah al-Quran dengan suara-suara kamu (yang merdu)."

—
Hadis riwayat Abu Dawud

Sebagai alat yang membawa sesuatu matlamat, lagu dan hiburan harus dipandu supaya mampu membawa manusia ke arah matlamat yang baik dan dilaksanakan dalam lingkungan dan cara yang baik. Hal ini yang terzahir dalam tradisi Islam apabila kandungan lagu dan muzik yang banyak berkaitan dengan anasir pagan dan syirik dalam tradisi syair dan jahiliah sebelum Islam telah diubah kepada syair yang lebih hampir dengan kerangka agama Islam seperti puji-pujian kepada Tuhan dan nabi.

Di samping itu, peranan muzik untuk menghiburkan jiwa terutama dalam majlis perayaan tetap diharuskan oleh Islam dengan sedikit penyesuaian dengan kerangka pandangan dalam Islam. Aspek kehalusan dan kesenian lagu dan muzik juga telah dikaji dengan mendalam oleh tokoh falsafah Islam seperti al-Kindi, al-Farabi dan Ibn Sina sehingga dapat menyumbang kepada keharmonian dan kehalusan lagu dan muzik bukan sahaja dalam kalangan umat Islam, tetapi juga membuka pintu terhadap perkembangan muzik dalam tradisi gereja Kristian dan tamadun Barat secara amnya.

Kesemua aspek yang positif daripada perkembangan lagu dan muzik dalam tradisi Islam ini amat penting diambil manfaat dan ikutan untuk membina budaya lagu dan muzik yang berunsur Islam pada era hari ini. Hanya dengan kesungguhan kita untuk benar-benar menghayati falsafah dan tradisi lagu dan muzik, kegemilangan lagu dan muzik berunsur Islam akan dapat dikembalikan di Malaysia. 🌟